

Jenis Akhbar : Berita Harian  
Tarikh : 01/01/2016  
Edisi / Muka Surat : Nasional / 65

# ANGKASA, JAKIM bantu Seoul bangunkan produk halal

BH 1/1/2017 ms 65

**Kuala Lumpur:** Status halal dikehluarkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang mendapat pengiktirafan dunia menjadi pilihan Persekutuan Koperasi Pertanian Kebangsaan Korea Selatan (NACF).

NACF kini dalam proses menghasilkan produk halal keluaran sendiri dan mendapatkan bantuan khidmat nasihat JAKIM menerusi kerjasama Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA).

Presiden ANGKASA, Datuk Abdul

Fattah Abdullah, berkata wakil NACF ke Malaysia pada September lalu bagi mendapatkan khidmat nasihat ANGKASA dan JAKIM untuk membangukan produk halal.

## Beri khidmat nasihat

“Susulan pertemuan berkenaan, wakil ANGKASA dan JAKIM ke Korea Selatan dua kali untuk berunding dan memberikan khidmat nasihat.

“Hasil rundingan itu, NACF dijangka mula menghasilkan produk halal

bagi pasaran Korea Selatan pada suku kedua 2017. Produk halal ini dibangukan bukan untuk pelanggan Islam semata-mata tetapi juga kerana kepentingan keselamatan yang sangat dititikberatkan di negara berkenaan,” katanya.

Bercakap pada sidang media selepas melancarkan Kelab Jaringan Koperasi Wanita, di sini semalam, beliau berkata, NACF memilih khidmat nasihat JAKIM dalam penghasilan produk halal kerana status halal jabatan berkenaan yang diiktiraf ter-



Abdul Fattah  
Abdullah

baik di dunia.

## Peluang pasarkan produk

Selain itu, Abdul Fattah berkata, kerjasama dengan NACF juga memberi peluang kepada koperasi kecil di bawah ANGKASA memasarkan produk halal mereka ke Korea Selatan.

“Untuk 2017, kami turut merancang melebarkan pasaran produk halal ke China dan akan melihat peluang perniagaan boleh direbut di negara itu yang mempunyai ramai penduduk Islam,” katanya.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia